

Kegiatan korek pasir jejas struktur jejambat

FOTO | Che Rani Che Din

SHAH ALAM: Struktur jejambat susur keluar Tol Bukit Jelutong dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Lebuhraya Utara Selatan (Plus) di sini didakwa terjejas berikutan kegiatan mengorek pasir secara haram di Sungai Damansara yang terletak betul-betul di bawah jejambat itu.

Kegiatan mencuri pasir itu didedahkan kepada media oleh satu jawatankuasa bertindak mewakili pengusaha pasir Melayu di Selangor, baru-baru ini.

Pengerusi jawatankuasa itu, Datuk Tengku Shaiffuliazan Zainal Abidin, mendakwa aktiviti itu mampu memberi kesan negatif kepada struktur jejambat terbabit, sekali gus membahayakan ribuan pengguna yang menggunakan laluan berkenaan pada setiap hari.

Beliau mendakwa, kegiatan berkenaan sudah dilakukan lebih sebulan lalu tanpa kelulusan Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan mana-mana badan berkenaan.

“Ia bukan saja dilakukan secara haram, malah menjejaskan kawasan sekitar. Su-



TERJEJAS...Tengku Shaiffuliazan mendedahkan kegiatan mengorek pasir di Sungai Damansara.

ngai ini dulu bersih dan air mengalir laju namun ia kini semakin cetek dan keruh.

“Kita dapat lihat ada sedikit keretakan pada bahagian bawah salah satu tiang yang menyokong jejambat ini. Pihak bertanggungjawab perlu melakukan sesuatu sebelum perkara tidak diingini berlaku,” katanya ketika membuat tinjauan ke kawasan terbabit disertai wakil media, baru-baru ini.

Difahamkan, jejambat susur keluar itu disokong oleh kira-kira 30 tiang.

Tengku Shaiffuliazan berkata, kerajaan negeri Selangor harus bertanggungjawab dan untuk menyiasat pihak yang didakwa melakukan kegiatan curi pasir itu.

Ketika tinjauan, aktiviti mengorek pasir dihentikan kerana pihak terbabit dipercayai menghidu kehadiran media, namun ada tiga longgokan pasir yang setiap satunya setinggi kira-kira lima meter selain terdapat satu mesin pengorek pasir di tebing sungai di bawah jejambat terbabit.